

MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 May 2014	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	11	ArticleSize	296 cm ²
AdValue	RM 3,857	PR Value	RM 11,571



Transformasikan pemberian BR1M, elak salahguna bantuan

Oleh **RAM AL JAFFRI SAAD**

ISU mengenai penyalahgunaan wang Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sering berlegar-legar dalam kalangan masyarakat. Dakwaan ini seolah-olah ada kebenarannya apabila baru-baru ini, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor mendedahkan ramai penerima BR1M menyalahgunakan wang yang diberikan untuk tujuan perjudian.

Penulis agak terkejut dengan pendedahan ini. Selain BR1M, penulis juga tertanya-tanya macam mana pula dengan bantuan lain yang diterima oleh masyarakat? Apa yang terjadi dengan bantuan wang tunai zakat, bantuan wang pinjaman perniagaan, pinjaman skim kredit mikro Amanah Ikhtiar dan lain-lain lagi? Adakah wang ini turut digunakan untuk yang bukan sepatutnya?

Dalam konteks ini, ada kajian melaporkan bahawa bantuan wang ringgit seperti zakat turut disalahguna oleh penerimanya. Wang zakat itu digunakan bagi tujuan melakukakan maksiat dan perjudian. Begitu juga dengan wang pinjaman perniagaan. Sebe-

lum wang pinjaman diterima, mereka 'berlakon' seolah-olah sedang giat menjalankan perniagaan. Bila duit diterima, maka lenyaplah perniagaan tersebut. Keadaan ini amat dikesalkan sekali.

Namun, penulis percaya ia hanya berlaku kepada segelintir masyarakat. Majoritinya masih menggunakan wang bantuan itu bagi tujuan baik.

Walaupun bagaimanapun, timbul persoalan penting bagaimana cara yang perlu dilakukan bagi mengelak masalah ini daripada terus berlaku. Wajarkah bantuan seperti BR1M atau zakat diteruskan pemberiannya melalui wang tunai? Atau setidak-tidaknya perlukah penerima-penerima bantuan ini menandatangani akujanji untuk tidak menyalahgunakan wang ini?

Penulis tinggalkan persoalan-persoalan ini untuk dijawab oleh semua masyarakat. Tetapi, penulis merasakan bahawa sudah tiba masanya pihak berkuasa melakukan sesuatu bagi mengelak masalah ini daripada terus berlaku. Mungkin ia tidak serius sekarang, namun jika dibiarkan, maka kesan buruknya akan melebar pada masa depan.

Ada dua transformasi ingin dikemukakan di sini, iaitu pemberian dalam bentuk bukan tunai dan surat akujanji.

Pemberian BR1M dalam bentuk wang tunai seperti yang dilakukan pada ketika ini adalah baik, namun pemberian ini boleh menjadi lebih baik tanpa ada bantuan secara wang tunai. Pemberian boleh diteruskan dalam bentuk bukan tunai seperti yang dilakukan ke atas pemberian baucer buku yang diterima oleh para pelajar.

Penulis melihat bahawa pemberian baucer adalah lebih efisien dan senang untuk dikawal. Jika tujuan utama pemberian BR1M atau bantuan zakat adalah untuk mengurangkan kos hidup penerimanya, maka penelitian khusus kepada barang-barang keperluan asas wajar dilakukan.

Dalam kes baucer buku misalnya, pemerhatian penulis mendapati bantuan itu digunakan sepenuhnya oleh pelajar untuk membeli buku dan alat tulis. Memang sudah tertera di atas baucer tersebut nama dan nombor kad pengenalan pelajar. Hal ini menyebabkan baucer itu tidak boleh digunakan untuk tujuan selain pembelian buku dan alat tulis yang merupakan

keperluan setiap pelajar.

Jika digunakan konsep baucer tersebut dalam konteks bantuan wang ringgit BR1M atau bantuan zakat, maka baucer keperluan asas boleh diberi bagi menggantikan wang tunai. Baucer atas keperluan makanan asas seperti beras, gula, minyak dan ayam boleh dikeluarkan. Baucer pengangkutan seperti baucer pengisian petrol juga boleh diberikan kepada penerima bagi mengurangkan kos petrol mereka.

Cadangan pemberian dalam bentuk baucer ini tidak akan melibatkan sebarang implikasi kewangan kepada pihak kerajaan kerana jumlah bantuan yang diberikan masih sama dengan pemberian tunai. Yang berbeza hanyalah bentuk bantuan sahaja. Jika baucer dikeluarkan, adalah sukar bagi mana-mana penerimanya untuk menggunakannya di tempat-tempat yang tidak sepatutnya.

Selain pemberian dalam bentuk baucer, kerajaan disaran membuat satu perjanjian dengan penerima agar wang yang diberikan dimanfaatkan untuk tujuan murni sahaja. Perjanjian dalam bentuk akujanji ini perlu ditandatangani oleh semua penerima bantuan.

Natijahnya, selain diingatkan bahawa bantuan yang diberikan harus digunakan untuk tujuan baik, penerima juga akan merasa lebih bertanggungjawab ke atas setiap sen yang dibelanjakan. Dengan adanya akujanji ini, mereka mungkin akan berfikir banyak kali sebelum menggunakan wang tersebut.

Sebagai kesimpulannya, penulis berpendapat bahawa penyalahgunaan wang BR1M atau bantuan-bantuan lain wajar dihentikan serta merta. Pihak berkuasa boleh menggunakan pemberian dalam bentuk baucer bagi menggantikan pemberian dalam bentuk wang tunai. Surat akujanji juga boleh menjadi satu daripada kaedah bagi memastikan penerima tidak

Headline	Transformasikan pemberian BR1M, elak salahguna bantuan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 May 2014	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	11	ArticleSize	296 cm ²
AdValue	RM 3,857	PR Value	RM 11,571

sewenang-wenangnya membelanjakan wang tersebut bagi tujuan yang tidak sepatutnya. Adalah menjadi harapan agar usaha-usaha transformasi pemberian BR1M dan bantuan wang ringgit dapat dilakukan demi kelangsungan pembangunan ekonomi pada masa depan. Usah menunggu sehingga nasi menjadi bubur.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Perakaunan Islam, Pusat Pengajian Perakaunan (SOA), Universiti Utara Malaysia.